

27 MAY 2003

Ghani-TEKUN

PINJAMAN TEKUN HINDARKAN PENIAGA KECIL B'PUTERA TERJEBAK CETI HARAM

JOHOR BAHRU, 27 Mei (Bernama) -- Skim pinjaman mudah yang dianjurkan oleh kerajaan menerusi Program Pembangunan Usahawan (TEKUN) akan dapat menghindarkan peniaga-peniaga kecil Bumiputera meminjam daripada ceti haram atau "Along".

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata TEKUN merupakan salah satu sumber kewangan yang penting bagi membantu peniaga kecil Bumiputera untuk memulakan perniagaan.

"Kita yakin dengan adanya kemudahan TEKUN ini akan dapat menghindarkan peniaga-peniaga kecil terperangkap daripada pinjaman ceti haram atau Along," katanya pada sidang media selepas merasmikan pengiktirafan dan motivasi TEKUN Negeri Johor 2003 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai dekat sini hari ini.

Abdul Ghani berkata pinjaman TEKUN mudah kerana mereka tidak perlu mencari penjamin dan cagaran berbanding institusi kewangan lain seperti bank atau ceti haram dan Along.

Setakat ini, di Johor terdapat 6,776 peminjam TEKUN membabitkan pinjaman bernilai RM18 juta, yang kebanyakannya menjalankan perniagaan runcit, pakaian dan makanan.

Mengenai kedudukan Umno Bahagian Senai, yang merupakan satu-satunya Umno Bahagian di Johor yang tidak menyertai projek TEKUN, Abdul Ghani menyarankan supaya bahagian itu mengemukakan permohonan bagi membolehkan usahawan kecil di kawasan terbabit turut menikmati faedah pinjaman itu.

Beliau yakin ramai usahawan kecil yang menjalankan perniagaan dalam kawasan itu mahu mendapatkan pinjaman TEKUN yang menawarkan bantuan kewangan minimum RM5,000 bagi mengembangkan perniagaan.

"Saya diberitahu hanya Umno Bahagian Senai yang masih belum membuat sebarang permohonan bagi mendapatkan pinjaman TEKUN yang kejayaannya membantu usahawan kecil sudah dibuktikan di 19 UMNO Bahagian lain di negeri ini," katanya.

Abdul Ghani juga turut menyambut baik pengumuman kerajaan memperuntukkan RM200 juta bagi membantu usahawan kecil menerusi pakej galakkan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad baru-baru ini.

-- BERNAMA

BH MNY LAT